

# **WELTANSCHAUUNG DAN MANIFESTASI KEPERCAYAAN TRADISI ETNIK DI SARAWAK**

**(*Weltanschauung and the Manifestation of Beliefs in the Ethnic Traditions of Sarawak*)**

*Awang Azman Awang Pawi*  
awangazman@gmail.com

Institut Pengajian Asia Timur  
Universiti Malaysia Sarawak

## **Abstrak**

*Weltanschauung* dan kepercayaan tradisi etnik di Sarawak, iaitu Melanau, Iban dan Kedayan memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka sehari-hari. Pandangan dunia mereka dipengaruhi oleh kepercayaan awal, sebelum kedatangan Islam dan Kristian, iaitu animisme yang mempercayai makhluk halus, semangat dan roh, yang menjadi asas kepercayaan masyarakat tradisional. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti pandangan dunia dan manifestasi daripada kepercayaan ini yang mencetuskan upacara tertentu bagi memenuhi tuntutan dan keperluan dalam masyarakat etnik tradisi tersebut. Kajian ini menggabungkan pendekatan etnografi dan kajian kepustakaan. Daripada kajian didapati bahawa selepas kedatangan agama Islam dan Kristian, kepercayaan tersebut masih bersemadi dalam kolektif memori masyarakat tersebut. Kolektif memori tersebut menjadi warisan budaya etnik tersebut di Sarawak. Didapati, masih terdapat Melanau Likow atau pagan yang mengamalkannya. Dalam kalangan etnik Iban pula masih diamalkan terutama di luar bandar lebih tertentu untuk pertanian dan perayaan. Makan Tahun etnik Kedayan pula telah mengalami pengislaman sesuai dengan kepercayaan baharu anutan etnik Kedayan. Ternyata, dinamika budaya mempengaruhi pandangan dunia dan mengubah manifestasi kepercayaan tradisi mereka merupakan signifikasi utama hasil penelitian ini.

Kata kunci: kepercayaan etnik, pandangan dunia, tradisi, Sarawak

## **Abstract**

*The Weltanschauung and traditional beliefs of ethnic groups in Sarawak, such as the Melanau, Iban and Kedayans is important in their daily life. Their world view is influenced by animistic beliefs that have existed since before the arrival of Islam and Christianity, in which a belief in spirits and the soul is fundamental. The objective of this study is to examine the world view and manifestations of this belief*

*in the traditions of these ethnic communities, as evident through certain ceremonies. This study combines ethnographic approaches and library research. This study has found that even after the arrival of Islam and Christianity, animism is still enshrined in the collective memory of these communities. The Collective memory is thus a part of the cultural heritage of ethnic groups in Sarawak. The Melanau Likow still practise this belief, as well as the Iban, especially those in rural areas, where the practices are more specifically linked to agriculture and festivities. The Makan Tahun ceremony of the Kedayan ethnic group, on the other hand, has undergone a process of Islamization in order to suit the new religious beliefs of the Kedayans. Clearly, the dynamics of culture influence world view and modify the manifestation of traditions, which is the main significance of these findings.*

*Keywords:* ethnic beliefs, world view, tradition, Sarawak

## PENDAHULUAN

Pandangan dunia secara menyeluruh atau dikenali sebagai *weltanschauung* merujuk kerangka idea dan kepercayaan individu, kumpulan dan budaya dalam menginterpretasikan dunia mereka. Dalam konteks etnik di Sarawak, masing-masing mempunyai kepercayaan yang dibina dalam lingkungan kehidupan persekitaran mereka. Berdasarkan legenda Dayak Laut, etnik Iban tradisi percaya mereka berasal dari Timur Tengah kemudian berhijrah ke Sumatera kemudian ke Lembah Sungai Kapuas, Kalimantan (Benedict Sandin, 1967:2). Namun, aspek cerita rakyat tersebut agak kabur dan etnik Iban umumnya berasal dari Kapuas, Kalimantan Indonesia yang telah berhijrah ke Sarawak lebih 300 tahun dahulu, iaitu sejak pertengahan abad ke-16 (Richard, 1950:10, Pringle, 2010:17). Etnik Melanau pula dipercayai berasal dari Pulau Jawa dengan pakaian tradisinya yang mempunyai pengaruh Jawa. Dari aspek bahasa yang dituturkan dan amalan pra-Islam mempunyai persamaan dari segi bahasa hingga ada yang mempercayai bahawa etnik ini serumpun dengan golongan Kejaman, Sekapan, Lahanan, Punan Ba, Kanowit yang berhampiran dengan Belaga di Hulu Rejang, Kanowit dan Tanjung di Tengah Rejang. Melanau Oya tidak ada masalah duduk di rumah panjang Sekapan tidak jauh dari Belaga kerana memahami bahasa tersebut (Aikman, 1959:86), (Claire dipetik oleh Morris, 1978:37). Dipercayai juga kelompok ini mempunyai kerajaan dikenali sebagai "Kerajaan Kajang" dan ketua mereka bernama Tugau. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian lapangan penulis, kedatangan Iban yang memecahkan Melanau dengan kelompok tersebut dari segi petempatan, manakala pakaian tradisi pengaruh Jawa merupakan kesan hubungan perdagangan di pesisiran petempatan Melanau. Kedayan pula berasal dari

Kepulauan Jawa dan kemudian dibawa oleh Sultan Brunei ke-IV ke Brunei kerana kerajinan mereka dalam pertanian (Shariffuddin, 1969:15-20). Etnik ini kemudian berasimilasi dengan masyarakat Melayu di Brunei.

Latar belakang yang berbeza ini sebenarnya memberikan sejarah terhadap suasana kehidupan harian mereka yang sedikit berbeza antara satu sama lain, ditambah pula pengaruh kepercayaan tradisional yang bercampur dengan pengaruh Hindu yang begitu kuat.<sup>1</sup> Oleh itu, didapati terdapat tiang candi untuk mendirikan patung Kenyalang sebagaimana berlaku dalam etnik Iban di Saribas (Temu bual, 2013). Pengaruh Hindu juga dilihat dalam konteks percaya kepada dewa dewi yang mempunyai tugas tertentu. Percampuran antara kepercayaan lama dengan pengaruh Hindu, Islam, dan Kristian misalnya membawa kepada pandangan dunia tertentu yang dapat dilihat melalui manifestasi perlakuan budaya dan bentuk kepercayaan mereka. Kajian ini akan lebih memfokuskan kepercayaan etnik Melanau bukan Islam dan Kristian khususnya di Mukah, Sarawak. Namun bagi etnik Melanau Islam dan Kristian mereka menganggap kepercayaan mereka lebih kepada kolektif memori etnik. Kajian ini juga memfokuskan kepercayaan etnik Kedayan tradisi, di utara Sarawak khususnya di Lawas.

## **KEPERCAYAAN ETNIK MELANAU**

Sebelum kedatangan Islam dan Kristian, etnik Melanau tradisional mempunyai kepercayaan tradisional. Sistem kepercayaan yang diwarisi oleh kepercayaan animisme membentuk pandangan dunia mereka. Seterusnya mencorakkan amalan sehari-hari mereka. Cara dan tindakan mereka banyak ditentukan oleh sistem kepercayaan tersebut. Upacara dan adat yang diamalkan membayangkan hubungan erat manusia dengan kuasa luar biasa, kuasa ghaib, makhluk halus dan semangat (Jeniri Amir dan Awang Azman, 2001:25). Masyarakat Melanau tradisi percaya bahawa dunia ini seumpama sebiji telur yang dikelilingi air. Beberapa jarak darinya terletak matahari, bulan dan bintang (Morris, 1991:59-60). Sebagai masyarakat yang belum terdedah kepada agama sebenar dan kemodenan serta dunia luar mereka menghimpunkan pengalaman untuk mengharungi kehidupan dan cabaran harian bersandarkan pola perlakuan yang diwarisi nenek moyang, sejak turun-temurun.

Kepercayaan yang bersifat “agama rakyat” ini berlandaskan keyakinan bahawa setiap bentuk semula jadi yang ganjil dan objek yang terdapat di alam semesta dianggap mempunyai semangat dan kuasa luar biasa. Jadi, mereka perlu menyembah makhluk yang dianggap berdaulat itu, seperti memberi makan untuk memujuknya, selain memuja makhluk lain seperti pokok. Segala kejadian yang berlaku dalam kehidupan dipercayai mempunyai kaitan dengan makhluk dan objek tersebut. Dalam

segala hal, mereka perlu menunjukkan ketaatsetiaan dan kepatuhan kepada makhluk dan objek itu dengan memberi persesembahan atau semah, seperti makanan, selain mendendangkan lagu dan membaca doa dan mantera tertentu. Pada masa yang baik, persesembahan diberi sebagai tanda kesyukuran. Pada masa buruk pula, seperti musim landas (musim banjir), kemarau panjang dan wabak penyakit, persesembahan dibuat sebagai tanda memohon ampun, juga sebagai tanda kekesalan terhadap kesalahan yang disengajakan atau tidak disengajakan kerana kejahilan.

Bagi mereka, segala kejadian termasuk bencana dikatakan berpunca daripada kuasa di luar kawalan manusia (Temu bual, 2013). Kuasa dan unsur naturalisme dikaitkan dengan perasaan takut, dikagumi malah digeruni. Kuasa ghaib ini banyak mempengaruhi kehidupan mereka. Kuasa ghaib yang dimaksudkan ialah roh dan semangat yang merupakan kepercayaan animisme. Kepercayaan menurut Taylor (1971) dapat dibahagikan kepada dua aspek, pertama doktrin roh (*doctrine of souls*), iaitu asas agama yang berdasarkan roh, dan kedua doktrin semangat, asas agama yang berdasarkan semangat. Berdasarkan kepercayaan ini, setiap objek mempunyai semangat yang tersendiri. Apabila Melanau Likow percaya bahawa terdapat roh dan semangat yang menguasai kehidupan, maka alasan itu terus dipegang untuk melakukan upacara tertentu sebagai manifestasi kepercayaan mereka terhadapnya. Mereka memperluas konsep semangat ini kepada makhluk lain, seperti tumbuh-tumbuhan dan objek tidak bernyawa di sekitar. Menurut Moris (1981:44):

*Spirits are more powerful than men, and can move around the world (dunia) in a way than man cannot, expect by sending out their souls (bedua) in dreams. Because of the superior powers of spirits, and because most are potentially ill-natures (saji jaét) in their relations with other beings, they can, and to some extent do, exploit men, just as men exploit animals and plants. Animals and plants, in their turn, differ from men in being less powerful...*

Bagi pandangan lama Melanau, alam dilihat sebagai tempat manusia, bukan terpisah daripadanya. Manusia perlu memainkan peranan dalam mengekalkan dan memelihara susunan semula jadi, bukannya menguasai atau mengubahnya. Kewujudan manusia bukan sahaja sebagai sebahagian daripada alam semesta tetapi mereka dituntut untuk mengadakan ritual bagi mengekalkan keseimbangan dan sifat semula jadi alam semesta (Temu bual, 2001). Melalui upacara amal, mereka dapat meneguhkan semula perhubungan sosial mereka. Etnik tradisional yang masih menganut agama tradisi percaya bahawa dunia ini mengandungi dunia lapisan atas atau kayangan dikenali sebagai *liko bah baw* yang bermakna *liko* kayangan, atau

langit yang mempunyai corak kehidupan yang hampir sama dengan dunia di dua lagi lapisan. Langit ialah zon samawi, wilayah awang-awangan. Lapisan pertengahan didiami oleh manusia dan makhluk lain. Zon tengah dikenali *sebai tanah*, iaitu zon daratan, bumi, yang merupakan alam nyata yang dapat dilihat, dipijak dan dinikmati keindahannya, terdiri daripada sungai, hutan rimba, gunung-ganang, bukit-bakau, laut samudera, flora dan fauna. Lapisan ketiga dikenali sebagai *i yang*, iaitu alam akuatik, wilayah di bawah zon bumi. Zon ini bercorak fizikal dan metafizikal yang terdiri daripada wilayah di dalam air (Jeniri Amir dan Awang Azman, 2001:29).

Morris (1997) pula menjelaskan bahawa dunia Melanau mempunyai 15 lapis. Daripada 15 lapis itu, tujuh lapis di atas, tujuh lapis di bawah, dan yang selapis itu ialah *liko dagan dua*, bumi yang didiami oleh manusia dan makhluk lain. Maksudnya, dunia sebenar ini dipercayai terdiri daripada tujuh lapis. Setiap lapis itu dibataskan oleh sempadan yang memisahkannya daripada lapisan lain. Bagi informan di Dalat, terdapat tujuh lapisan. Lapisan lima hingga tujuh dihuni oleh jin, manakala lapisan empat dihuni oleh *liko* dewa-dewa. Lapisan tiga *liko naradin*, dan lapisan pertama *liko baliwan*. Kehidupan di dunia lapisan atas memiliki corak dan cara kehidupan yang hampir sama dengan kehidupan di lapisan dunia yang lain, namun lapisan tersebut diyakini dan dikuasai kuasa yang lebih berkuasa daripada manusia. Manusia yang dapat menembusi alam lapisan ini hanyalah kesatria Melanau yang berani dan golongan *a-bayoh*, bomoh dan mereka yang berhati kudus. Mereka hanya boleh menembusinya sesudah meminta izin dengan membaca mantera dan pantun yang disampaikan melalui bahasa dalam yang sukar difahami oleh orang biasa (Jeniri Amir dan Awang Azman, 2001:29). Alam lapisan tengah atau dunia *dagan* ialah tempat manusia tinggal. Lapisan ini turut dihuni oleh makhluk Tuhan yang lain. Alam lapisan tengah mempunyai sempadan tertentu walaupun hanya terdiri daripada satu lapisan. Sempadan itulah yang menjadi pemisah kawasan antara penghuninya. Sempadan sedemikian penting dijaga dan tidak boleh dimasuki atau dicerobohi bagi mengelakkan manusia daripada terkena sampuk hingga lemah semangat, jatuh sakit, dan akhirnya meninggal dunia.

Secara generik Melanau tradisional percaya kepada kewujudan kuasa ghaib yang menentukan kesejahteraan segala makhluk di muka bumi ini. Kuasa ini dikenali dengan nama *ipok* yang mempunyai kuasa dan pengaruh mutlak di kawasannya. Taraf dan kebesaran kuasa *ipok* wujud dalam hierarki. Dalam hierarki *ipok* yang menguasai tiga lapisan bumi, Ipok Langit, Ipok Daat, dan Ipok Iyang yang mempunyai darjah yang lebih tinggi, malah mempunyai semacam daulat pula. *Ipok-ipok* ini lebih berkuasa daripada Ipok Kala (dewa muara), Ipok Guun (dewa hutan), Ipok Alan (dewa hutan rimba), Ipok Uma (dewa huma), dan sebagainya. Daripada semua *ipok* yang ada, Ipok Langitlah yang paling berdaulat dan berkuasa, sesuai

dengan tarafnya yang berada di lapisan teratas (Jeniri Amir dan Awang Azman, 2001:32). Kesemua ini sekiranya dilihat dalam perspektif yang luas merupakan pengaruh konsep pelbagai dewa dewi dalam Hindu.

Ipok Langit paling berkuasa kerana menguasai kawasan yang luas, tinggi dan diselubungi seribu misteri. *Ipok* ini dapat dikatakan sebagai raja *ipok* yang dapat menjatuhkan hukuman terhadap manusia yang ingkar, melakukan perbuatan yang melanggar hukum alam, dan kesalahan dan dosa besar yang lain. Ipok Langit dapat membinasakan muka bumi dengan kuasa dan daulat dengan meniupkan ribut taufan, banjir besar dan kemarau. Ipok Langit, dalam kepercayaan Melanau, malah dapat menyebabkan manusia menjadi batu kerana sumpahannya, dikenali sebagai *buan* atau *balliew*, seperti nasib dalam legenda yang menimpa Si Tenggang atau Si Malim Kundang yang derhaka (Jeniri Amir dan Awang Azman, 2001:33).

Maka, tidak hairanlah begitu banyak pantang larang melingkari kehidupan mereka. Pantang larang tersebut diserahkan daripada segala hal yang berkaitan dengan kelahiran, ketika seseorang ditimpa penyakit, sewaktu pertunangan dan perkahwinan, juga kematian sebagaimana digambarkan melalui upacara peralihan taraf atau *rites of passage*. Pantang larang ini diwarisi sejak turun-temurun daripada nenek moyang mereka yang mengamalkan animisme dalam kehidupan sehari-hari. Tegahan melakukan sesuatu tidak ada tolak ansur. Kaum Melanau biasanya memastikan mereka tidak mengingkari pantang larang kerana mereka sedar akan musibah dan risiko yang akan diterima. Terlalu banyak pantang larang yang diamalkan hingga hampir tidak ada pekerjaan yang dilakukan dalam dunia ini tanpa pantang larang dan tegahan. Dalam soal makanan misalnya, ada keturunan yang tidak dibenarkan makan daging rusa dan ikan patin kerana dipercayai binatang atau ikan tersebut pernah menyelamatkan nenek moyang mereka dahulu kala.

Mengikut kepercayaan ini, mereka yang makan barang yang ditegah itu mengalami penyakit, misalnya menghidap penyakit kulit atau boleh juga menjadi gila, malah boleh membawa kepada kematian. Hal ini demikian sebagai balasan kepada cucu cicit yang tidak faham dan tidak menghormati sejarah keturunan nenek moyang mereka. Daging rusa, umpamanya, tidak dibenarkan dimakan oleh keturunan tertentu. Pada zaman bahari, nenek moyang keturunan berkenaan telah diserang oleh binatang buas di dalam hutan hingga cedera parah. Yang menyelamatkan nenek moyang mereka ialah seekor rusa, yang mengubatinya dengan menjilat dan memeliharanya. Sejak hari itu, keturunannya tidak dibenarkan makan daging rusa kerana akan melanggar sumpah. Oleh sebab itu, pantang larang berasaskan keturunan, penyakit dan peringkat kehidupan tertentu perlu dipatuhi. Pada setiap peringkat kehidupan ada pantang larangnya yang tertentu.

Bagi etnik Melanau tradisional, makanan yang tidak boleh dimakan termasuklah haiwan yang dibunuh sebarang, lebih-lebih lagi yang berada di dalam hutan. Selain itu, apabila berada di dalam hutan, orang Melanau percaya kepada alamat yang dibawa oleh burung, terutamanya *manuk bukeng*, *manuk tepasi*, *manuk kutit*, *manuk terit*, *manuk kenyiw* dan *manuk kejalang* (Morris, 1997). Bunyi dan arah burung berkenaan terbang membawa alamat tertentu yang perlu diketahui oleh mereka yang menjadikan hutan sebagai sumber rezeki. Jika tidak, mereka mungkin terperangkap dalam bahaya. Binatang, termasuk ular perlu dihormati, sehingga apabila orang Melanau masuk ke dalam hutan, mereka tidak menyebut ular dengan namanya sebenar, tetapi menggantikannya dengan “akar kayu”. Malah, mereka kadangkala memohon kebenaran dengan berkata: “Kita sama-sama mencari rezeki. Jadi janganlah ganggu kami dan anak cucu kami.” Begitu mendalamnya rasa takut dan hormat terhadap haiwan, terutamanya yang berbisa. Hal ini menyerlahkan cara mereka mentakrif dunia dan makhluknya. Mereka yang menghadapi kecelakaan dipercayai kerana mengingkari pantang larang atau kerana telah disumpah oleh kuasa ghaib. Sesiapa yang tidak menghormati binatang hutan, celupar atau bercakap besar boleh menyebabkan dia tersesat dan berpusing-pusing di dalam hutan, dan tidak dapat mencari jalan keluar. Malah keadaan seseorang itu dapat menjadi lebih buruk lagi, iaitu dibaham beruang, buaya, dan binatang buas yang lain.

Kepercayaan yang teguh terhadap kewujudan makhluk halus yang mempengaruhi banyak kejadian di muka bumi, menyebabkan mereka selalu merujuknya sebelum mengambil tindakan tertentu. Bagi masyarakat Melanau, pantang larang bukanlah penghalang yang membataskan pergerakan mereka dalam kehidupan sehari-hari. Kepercayaan yang kuat terhadap kuasa ghaib telah menyebabkan mereka akur terhadap pantang larang meskipun sebahagian besar daripadanya sudah tidak lagi dipedulikan. Jelaslah bahawa pantang larang yang dikenakan dan diamalkan oleh Melanau Likow melibatkan *supernatural* (kuasa ghaib). Hukuman *supernatural* atau kuasa ghaib selalunya dalam bentuk kematian, wabak penyakit, kebuluran atau kekurangan makanan, bencana alam seperti banjir dan kemarau panjang. Masyarakat Melanau tradisional percaya bahawa setiap benda atau makhluk mempunyai semangat atau roh (Jeniri Amir dan Awang Azman, 2001:41). Roh makhluk ini sentiasa bergerak dan berkeliaran di lapisan masing-masing. Kepercayaan terhadap kewujudan makhluk halus yang sukar dilihat dengan mata kasar oleh orang biasa sudah berakar ubi dalam masyarakat. Makhluk ini sentiasa berkeliaran pada tiga lapisan dunia. Makhluk halus dapat melindungi manusia atau mengatur pelbagai aspek alam semesta. Tanggungjawab manusia adalah untuk memastikan makhluk itu dijaga, tidak diganggu, dan tidak dicerobohi tempat kediamannya. Yang penting manusia perlu menjalinkan hubungan yang harmonis dengan makhluk halus itu

bagi memastikannya tidak bertindak ganas. Sebagai pencerminan yang mendalam tentang betapa kuatnya kepercayaan terhadap kewujudan makhluk halus ini, maka manusia terpaksa mengamalkan adat tertentu sebagaimana terpancar melalui ritual atau upacara seperti kaul.

Mereka percaya bahawa roh ada di mana-mana dan sentiasa berkeliaran tanpa mengira waktu, lebih-lebih lagi pada waktu malam, waktu senja atau cuaca tidak baik, seperti pada hari hujan dengan guruh dan halilintar serta hari berlembayung. Halilintar, guruh, dan lembayung dikatakan membawa alamat jahat kerana ketika itulah *ipok* berkeliaran mencari mangsa. Pada waktu itulah roh amat berbahaya. Bagi mereka yang lemah semangat, kaum Melanau percaya, akan mudah terkena penyakit yang sukar diubati. Ketika manusia berjalan di dalam hutan atau mencari rezeki di laut, kadang-kadang semangat atau makhluk halus itu boleh menyebabkan manusia jatuh sakit hanya kerana “kena *limpas*”. Oleh sebab itulah ketika di laut, di dalam hutan dan pada waktu malam mereka dilarang keras daripada bersiu kerana perbuatan itu dianggap seolah-olah menarik perhatian semangat jahat. Kepercayaan sedemikian sama dengan kepercayaan peribumi di Pulau Andaman. *Ipok Kala*, misalnya menguasai laut, sungai dan muara laut serta pantai. Begitu dominan kuasa dan pengaruhnya di kawasan itu. *Ipok kala* dapat memberi kesejahteraan dan rezeki jika dilayan, dipujuk dan dihormati (Jeniri Amir dan Awang Azman, 2001:42). Pesta kaul diadakan agar *Ipok Kala* melindungi, memberikan kemakmuran dan rezeki kepada mereka.

## KEPERCAYAAN TRADISI ETNIK IBAN

*Gods (petara) and spirits (antu) are introduced to Iban children through narratives and drama. Myths relate the birth of various gods who, in turn brought the world, its devision, and life forms into being. Among the creater, gods the most commonly known are Seramugah (tanah), who made the lands, “Segundi” (air) who made the water, and Segundit (langit), who made the sky.*

(Vinson H. Sutlive dlm. *The Iban of Sarawak*, 1992)

Sengalang Burong dianggap sebagai “pemerintah dunia semangat”. Menantu Sengalang Burong ialah ketupong (Rufous Piculet), kikih/embuas (Banded Kingfisher), beragai (Scarlet-rumped Togon), papau/senabong (Diard’s Trogon), berjambong (Creasted Jay), pangkas (Maroon Woodpecker), dan nendak (White-rumped Shama) (Vinson H. Sutlive, 1992:99). Kesemua ini merupakan pesuruh

kepada tuhan. Aspek ini menunjukkan kepercayaan unsur ghaib dalam kehidupan juga terdapat dalam etnik Iban tradisi. Dalam kepercayaan tradisi atau *Pengarap Lama, petara* (tuhan) akan menyampaikan petanda, alamat, kehendak, pesan kepada orang yang dipercayainya melalui mimpi, bayangan, dan tindakan perlakuan tertentu.

Kepercayaan tradisional Iban dikenali sebagai *Pengarap Lama* yang percaya *petara* (tuhan) wujud dan disembah dan dipuja melalui upacara tertentu seperti upacara *miring, sampi* (jampi), *pengap* (melakukan mantera) dan *timang* (ayat suci tradisional Iban) oleh *lemambahang* (penyair) pada masa upacara keagamaan. Kepercayaan ini mendorong pengkaji barat seperti Freeman (1955:28) menganggap mereka sebagai masyarakat yang beragama (*an extremely religious people*). Dalam kepercayaan ini *lemambahang* dan *manang* perlu diketahui konsep dan peranan mereka. *Lemambahang* menurut Jensen (1974:62) “...may perhaps be called a priest but he is not the ultimate authority on Iban religion. His concern is with intoning the ritual incantations, called *pengap*, which form a central part of major ceremonies (*gawai*). *Lemambahang* perlu masa dan tempoh masa yang panjang untuk latihan, malah perlu diabsahkan melalui mimpi. *Manang* pula merupakan pawang untuk mengubat orang yang sakit secara spiritual dan fizikal.

Dalam *Kelingkang* sebuah karya berunsur antropologi bercampur kreatif dikarang oleh Douglas Jaga, terdapat kepercayaan bahawa ada mimpi yang boleh membawa akibat buruk. Hal ini berlaku dengan cara memberi bayangan melalui mimpi. Indai Lang telah bermimpi, dia berjalan menuju ke huma dan bertemu dengan seorang lelaki gagah yang baru balik daripada ngayau dan mengatakan Sada ada mengikut mereka. Sada dikatakannya mendapat banyak *dengah* dan pada masa yang sama dimaklumkan bahawa benda yang dijumpai Sada di sungai tempoh hari ialah *rajut* yang luar biasa (Douglas, 1998:153-54). Menurut kepercayaan Apai Lang, mimpi tersebut bukan sebarang, dan maksud mimpi, *petara* telah memberi suatu alamat kepada keluarga tersebut. Oleh itu, *gawai* diadakan untuk mengelakkan sebarang malapetaka. Namun Sada dikatakan mendapat sakit selepas mimpi tersebut. Dalam konteks kepercayaan tradisional mereka, *petara* telah memberi bayangan atau pesannya terlebih dahulu kepada orang yang mempercayainya.

Apabila Sada hampir sembuh, dikatakan juga beliau telah bermimpi berjumpa seorang tua berbadan cengkung dan berambut putih beruban dalam keadaan berjampi. Dia memanggil Sada akan tetapi ular muncul tiba-tiba. Dengan pantas, orang tua itu memukul ular itu dengan tongkatnya. Ular mati serta merta. Orang tua itu menghulur tangan lalu menarik Sada keluar. Menurut kepercayaan tradisional atau *Pengarap Lama, petara* telah memberi bayangan kepada Sada bahawa Sada akan sembuh. Selepas itu, Sada telah sembuh daripada penyakitnya.

### **PERCAYA AKAN LEMAMBANG**

Kepercayaan kepada *manang* dan *lemambang* juga merupakan antara aspek penting dalam pemikiran tradisi. Malah dalam kepercayaan tradisi kaum Iban, hal ini terkandung dalam *Pengarap Lama*. Peranan *lemambang* sangat penting untuk melakukan perubatan. *Lemambang* dianggap mempunyai kuasa *supernatural*, boleh berhubung dengan kuasa ghaib dan dapat menyembuhkan penyakit yang ada. Bagi masyarakat Iban Saribas tradisi misalnya, mereka mempunyai sistem kepercayaan warisan yang percaya akan dewa, dewi, hantu, semangat dan juga alam mati yang dikenali sebagai *menua sebayan*. Bagi mereka, semua ini boleh membantu mereka dan juga boleh mengganggu, terpulang pada cara layanan yang diberikan. Seperti masyarakat Melanau tradisi yang tidak mempunyai agama, pokok, batu, burung dan binatang juga dipercayai mempunyai semangat. Maka pelbagai upacara perlu diadakan untuk memuja dewa dewi, memohon bantuan (Anna Durin, 2011:81-83). Disebabkan kehidupan yang ringkas dan mudah, teknologi yang belum ada maka pergantungan ini sangat kuat dalam kehidupan harian mereka.

Kepercayaan kuat terhadap kewujudan dewa dewi. Dewa langit misalnya dipercayai dapat membantu ketika peperangan. Dikatakan dewa yang dikenali sebagai Aki Lang Sengalang Burung ini mempunyai tujuh orang menantu dan menggunakan burung sebagai simbol. Burung inilah dipercayai dapat memberikan petunjuk dalam kerja pertanian seperti penanaman padi dan kerja di hutan. Dewa Tanah pula dipercayai dapat menolong Iban Saribas dalam penanaman padi bukit. Selepas mendapatkan tapak huma, mohon berkat daripada Sempulang Gana, iaitu nama lain dewa tanah. Kewujudan dewi sungai juga diyakini oleh masyarakat tradisi tersebut. Roh nenek moyang juga dipercayai dapat membantu keluarga, seperti mendapatkan hasil padi yang lumayan dan mendapatkan harta material yang berharga seperti emas, perak dan tembaga. Roh ini boleh menjelma dalam bentuk burung, ular, serangga dan sebagainya. Roh moyang akan menjelma dalam mimpi dan memberitahu akan jelmaan tersebut. Walau bagaimana pun status roh moyang yang dikenali sebagai Petara Aki di Saribas ini lebih rendah daripada dewa dewi (Anna Durin, 2011:84-87). Sebenarnya nama roh atau dewa dewi bergantung pada lokasi komuniti tersebut berada. Terdapat nama dewa yang tidak sama di sesuatu tempat, akan tetapi mempunyai peranan dan tugas yang sama.

### **PERCAYA KEPADA MIMPI SEBAGAI MEDIUM ALAM MAGIS**

Mereka percaya, dewa dewi dapat membantu melalui mimpi. Misalnya, mimpi mengajar membuat pua kumbu dan mengubat. Mimpi merupakan penghubung

dewa dan roh berkomunikasi dengan manusia. Mimpi tersebut merupakan petanda, dan dapat menyampaikan sesuatu. Ada yang menyampaikan berita baik, ada juga yang menyampaikan petanda tidak baik. Dalam masyarakat Iban tradisi mimpi boleh sahaja ditujukan kepada individu itu sendiri, adik beradik, keluarga besar atau seluruh rumah panjang. Misalnya, bermimpi sesuatu akan menimpa ahli keluarga atau seluruh rumah panjang. Mereka akan mengambil langkah wajar untuk mengelakkan perkara tersebut berlaku. Sekiranya bermimpi buruk di hutan, untuk tempoh seketika individu tersebut ditegah pergi ke hutan. Mimpi yang buruk perlu juga dielakkan daripada berlaku dengan upacara khusus. Pawang atau *manang* (*shaman*/penyembuh) diperlukan untuk melakukan upacara doa dan “sembahyang (sampi)”. *Manang* akan menggunakan ayam, selain persembahan makanan kepada dewa dewi.

Mimpi juga dijadikan satu petanda untuk menyatakan sama ada seseorang itu dirahmati Tuhan dan mendapat petanda yang baik. Tidak semua dapat menikmatinya melainkan dengan ketulusan hati dan mereka yang diberikan anugerah khusus dan diberkati Tuhan. Selain itu, yang dianugerahi itu, berupa bentuk pengetahuan dan kemahiran khusus. Sebagaimana pengamatan Roseline Sandai (2012), sekiranya didapati mendapat restu atau sokongan yang baik daripada Tuhan, maka akan diadakan upacara khas, iaitu upacara untuk bernasib baik (*Gawai Tuah*) atau upacara lain sebagaimana diraikan oleh etnik Iban dari Balau di kawasan Sri Aman dan Sebuyau. *Gawai* ini diberikan nama *Gawai Tanju* yang bermaksud “upacara yang akan disambut di anjung depan rumah panjang” bagi memohon berkat, diberikan nasib yang baik dan didoakan agar mimpi tersebut menjadi kenyataan.

## **KEPERCAYAAN KUASA GHAIB**

Dalam bidang antropologi, kepercayaan akan adanya kuasa kuasa ghaib (*supernatural*) dianggap sebagai definisi umum bagi sesebuah masyarakat tradisional. Masyarakat tradisional menganggap segala objek di sekitarnya mempunyai roh atau jiwa dan mampu memainkan pengaruh tertentu terhadap kehidupan. Kepercayaan ini sukar dinafikan kerana sesetengah ahli masyarakat kita masih mempercayai sepenuhnya akan hal tersebut. Namun tidak mustahil juga ada kebenarannya kerana roh berbentuk spiritual (yang terkandung dalam aspek agama) dan berbeza dengan semangat. Dalam konteks alam Nusantara, istilah seperti alamat, tanda dan petunjuk digunakan untuk menjelaskan hal seumpama ini. Dalam konteks Barat, sistem perlambangan diteliti dalam disiplin ilmu, seperti antropologi, sosiologi, dan psikologi.

Dalam *Kelingkang* (1998:136), unsur kepercayaan sedemikian masih digarap oleh pengarang dalam karyanya.

Sada selalu ke sungai tempat dia memancing. Dikatakan sungai tersebut menjadi tempat memancing itu adalah hadiah khas daripada seorang dewa yang turut bersedih apabila terdengar suara tangisan seorang anak kecil yang kehilangan ibunya.

Penemuan batu tersebut membawa kepada upacara ritual yang mengorbankan ayam sabung, penggunaan jampi serta pantang larang yang tegar dalam masa tiga hari (*Kelingkang*, 1998:143). Meskipun upacara tersebut dijalankan, Sada masih tidak sembuh dan menanggung derita selama 10 tahun. Seterusnya, *gawai kelingkang* diadakan. Menurut Douglas (dalam Hajijah, 2000:5), *gawai kelingkang* ialah:

Salah satu daripada gawai yang terpenting dan gawai yang paling kerap diadakan. Ia terbahagi kepada beberapa jenis (tidak kurang daripada tujuh). *Gawai kelingkang* yang saya paparkan dalam novel saya ialah *Gawai Kelingkang* yang dibuat untuk menyembuhkan orang yang sakit teruk... Ia juga merupakan *Gawai Kelingkang* yang paling kompleks dan mungkin juga gawai yang paling menakutkan. Maka, ia memerlukan perancangan yang amat rapi sama ada dari segi tenaga, masa ataupun cara membuat peralatan yang diperlukan. Jampi manteranya bukan sebarang. Hanya *lemambah* yang betul-betul baik saja boleh melakukan upacara membaca jampi mantera yang disebut "nimang".

Berdasarkan petikan di atas, roh nenek moyang harus dijamu, dipujuk untuk menyembuhkan penyakit. Apabila upacara tersebut tidak lengkap, maka penyakitnya akan bertambah teruk. Roh nenek moyang akan semakin marah. *Petara* telah memberi alamat ini melalui mimpi sebelum ini dan haruslah dianggap sebagai memberi peringatan awal dan penting untuk menghadapi semua ini. Mereka harus bersedia mengadakan upacara tertentu untuk menyelesaikan masalah ini. Dalam masyarakat Saribas tradisi pula, mereka percaya akan upacara perubatan yang dinamakan *belian*. Upacara perubatan ini dikendalikan oleh *manang*. Terdapat beberapa jenis *belian*, seperti *belian be bunuh antu buyu*, *belian bekumbai semangat* yang memanggil balik semangat pesakit ke badannya. Ada juga upacara khusus kepada *manang* untuk mendapatkan penerimaan atau pengiktirafan kuasa ghaib. Selain itu terdapat juga upacara *betimba* untuk membuang kotoran penyakit selepas *manang* mengubati orang. Upacara ini diadakan agar penyakit yang dirawati tidak menyerap pula kepada *manang*. Sekiranya ini penyakit ini terkena atau menyerap kepada *manang* maka boleh melemahkan semangatnya dan kemungkinan besar dapat menyebabkan sakit yang teruk sehingga boleh mengakibatkannya meninggal dunia (Anna Durin, 2011:103).

## **KEPERCAYAAN MAKAN TAHUN MASYARAKAT KEDAYAN**

Bangsa Kedayan mengamalkan Makan Tahun yang diadakan pada setiap tahun. Dipercayai upacara Makan Tahun telah diamalkan sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Bangsa Kedayan yang dikatakan berasal dari Pulau Jawa dipercayai telah datang ke Brunei sewaktu pemerintahan Sultan Bolkiah. Kenyataan ini memungkinkan bahawa upacara yang diamalkan mereka mempunyai hubungan dengan upacara slametan yang telah diamalkan hampir sebahagian besar petani di Pulau Jawa (Geertz, 1981).

Upacara Makan Tahun ialah aktiviti akhir dalam putaran tahunan pertanian; manifestasi daripada kehidupan etnik kedayan yang berdasarkan pertanian. Makan Tahun sebenarnya suatu bentuk ritual yang dikaitkan dengan alam ghaib dan semangat pertanian, khususnya padi. Ritual yang dikendalikan oleh ahli kekerabatan dalam sesebuah kampung itu dipimpin oleh ketua kekerabatan atau ketua kampung. Upacara ini juga merupakan upacara mengingati ahli keluarga, terutamanya nenek moyang mereka yang telah meninggal dunia dan melahirkan rasa syukur atas pemberian rezeki oleh Tuhan. Kesemua ini dikongsi oleh yang hidup dengan yang telah meninggal dunia (P.M Sharifuddin, 1970:61, Mohamad Suhardi, 1995). Makan Tahun ini tidak sama dengan “makan arwah” (P.M Sharifuddin, 1970:62. Upacara Makan Tahun selepas kedatangan Islam, dapat dirumuskan sebagai warisan adat yang dicirikan dengan upacara kesyukuran atas rezeki kurniaan Allah. Upacara Makan Tahun melibatkan hubungan kekeluargaan yang saling memberi dan menerima, serta kegiatan gotong-royong dan berkerjasama. Beliau menganggap upacara Makan Tahun sebagai proses akhir dalam putaran tahun pertanian padi sekali gus menggabungkan fungsi sosial, keagamaan, dan kepercayaan dalam suatu upacara tahunan yang membolehkan semua ahli komuniti menyertainya.

Kawasan pertanian masyarakat ini lebih tertumpu pada padi, iaitu padi sawah. Suasana ini menyebabkan mereka ingin memohon perlindungan agar padi mereka tidak ditimpa bencana. Mereka percaya akan kewujudan semangat padi. Seperti pandangan Taib Osman (1989), pergantungan pada padi telah menimbulkan ritual kompleks yang mendukung kepercayaan terhadap padi. Hal ini kita dapat juga dalam sistem ekonomi bangsa lain di dunia. Selain itu, Makan Tahun juga bertujuan memperingati ahli keluarga yang telah meninggal dunia. Masyarakat Kedayan percaya bahawa terdapat lima lapisan kuasa luar biasa dalam kehidupan ini. Lapisan tersebut ialah tempat Allah, tempat tinggal makhluk malaikat dan iblis, tempat ketiga untuk bersemadinya roh yang meninggal dunia, tempat keempat ialah semangat dan seterusnya lapisan manusia. Pandangan ini merupakan pandangan masyarakat tradisional kaum Kedayan. Lapisan terdekat kepada manusia ialah semangat, maka

kepercayaan terhadapnya begitu besar sekali. Oleh hal yang demikian, didapati bahawa terdapat ritual yang pada asalnya dikenali sebagai Makan Tahun yang diraikan bagi menyatakan terima kasih atas perlindungan dan keselamatan yang diberikan kepada mereka. Rasionalnya, malaikat dan Tuhan, meskipun diakui amat berkuasa dan mempunyai kemutlakan, akan tetapi lapisan ini dianggap terlalu jauh daripada mereka. Oleh itu, semangat, selain sebagai tempat pelindung, kemungkinan besar juga perantara kepada lapisan yang kedudukannya lebih tinggi daripada tarafnya. Maknanya, manusia seharusnya mengikuti struktur atau hierarki dan tidak menyembah secara langsung kepada Tuhan. Hal ini ada persamaan dengan agama yang menggunakan patung sebagai perantara untuk berhubung dengan tuhan yang besar. Dalam konteks kepercayaan agama Islam, umatnya ditegah melalui perantaraan makhluk sedemikian.

Untuk memahami kepercayaan Kedayan, perlu ditinjau aspek sosiobudaya mereka. Melalui aspek ini, dapat diketahui sumber asal kepercayaan tersebut. Sekiranya sesuatu bangsa itu tinggal di tepi kuala, sungai ataupun laut, mereka akan bergantung pada semangat laut. Sementara itu, apabila mereka bergantung kepada semangat padi, mereka akan percaya bahawa terdapat semangat yang mempengaruhi tanaman padi mereka. Hal ini merupakan fenomena biasa dalam sistem kebudayaan sesuatu bangsa. Walau bagaimanapun, dengan kemasukan Islam, terdapat perubahan konsep yang nyata. Konsep Makan Tahun bukan lagi untuk menjamu semangat, akan tetapi lebih kepada bentuk sedekah. Konsep sedekah ialah pemberian ikhlas daripada individu atau kelompok tertentu dengan lapang dada, ikhlas dan tidak mengharapkan sebarang balasan daripada manusia, selain bentuk amalan jariah semata-mata. Hal ini selari dengan berkembangnya ajaran Islam yang bermakna segala amalan tersebut adalah kerana Allah. Namun, masih terdapat golongan yang mempercayai bahawa wujudnya semangat padi yang perlu dipelihara agar tidak lari. Sekiranya lari, sumber mata pencarian pasti akan terjejas. Dalam konteks moden ini, upacara Makan Tahun, dilihat sebagai pembentukan identiti budaya dan penyatuan dalam kalangan masyarakat tersebut juga, selain sebagai agen dalam proses interaksi antara masayarakat Kedayan dengan etnik luar (Mohamad Suhaidi Salleh, 2005:2). Kini upacara semakin kurang unsur ritual, lebih mesra dengan gaya sosial semasa (P.M Shariffuddin, 1970:66).

## KESIMPULAN

Analisis kepercayaan tradisi tiga etnik ini memperlihatkan perbezaan dalam persamaan, iaitu sebagai etnik tradisional mereka bergantung pada kehidupan di laut dan di darat. Hutan, sungai dan tanah mewarnai perilaku budaya etnik tradisi di

Sarawak. Dalam suasana kehidupan ini mereka berdepan dengan pelbagai cabaran harian dan memerlukan sesuatu yang lebih berkuasa daripada keupayaan biasa mereka. Lantaran itu, kepercayaan tradisional mereka memberikan suatu ruang baharu dalam kehidupan untuk mendapatkan perlindungan dan rahmat daripada Pencipta mereka. Pengaruh Hindu bercampur aduk dengan kepercayaan tradisional dan kepercayaan konsep dewa dewi dan tuhan. Apabila kedatangan agama Islam dan Kristian konsep sedemikian beransur-ansur berubah dan mengalami pengislaman upacara. Berdasarkan kerja lapangan penulis, upacara kaul misalnya, kini dijadikan pesta kaul untuk penyatuan etnik Melanau dan diraikan dalam pelbagai bentuk, iaitu secara agama tradisional, secara Islam dan Kristian. Dalam penggunaan *manang* dan *lemambah* dalam upacara *gawai Hantu* misalnya, lazimnya terdiri daripada mereka yang percaya akan agama tradisional, dan kalangan penganut Kristian Iban pula bersikap terbuka dalam hal ini dalam lebih menganggap sebagai suatu bentuk adat. Pada masa sekarang, *manang* dan *lemambah* semakin berkurangan. Malah di Kapit misalnya, berlaku keadaan rumah panjang terpaksa meminjam *manang* dan *lemambah* dari rumah panjang lain. Dalam konteks, etnik Kedayan, unsur Islam sudah jelas dalam Pesta Makan Tahun. Perubahan ini mencerminkan dinamiknya budaya etnik tersebut di Sarawak.

## NOTA

1. Penulis menggunakan istilah kepercayaan tradisional untuk menggantikan istilah animisme yang sebenarnya kurang tepat dan berbaur kolonialisme. Animisme selalu digambarkan sebagai kelompok masyarakat primitif yang membawa makna kurang bertamadun sedangkan masyarakat peribumi tersebut mempunyai nilai dan seni yang tidak rendah

## RUJUKAN

- Aikman, R.G., 1959. "Melanaus" dlm. Tom Harrison (ed.), *The People of Sarawak*. Kuching: Sarawak Museum, hlm. 85-94.
- Aloysius J. Dris, "An Overview: The Cultural Future of the Melanau Community" dlm. *The Sarawak Museum Journal* XLVII:68, hlm. 299-304, 1997.
- Anna Durin, 2011. "Motif-motif Tradisi dalam Budaya Iban Saribas." Tesis Doktor falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Douglas Jaga, 1998. *Kelingkang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hajijah Jais, 2000. "Pertembungan Dua Nilai yang Belum Terjawab dalam Kelingkang". Kertas Kerja dibentangkan anjuran Bahagian Teori dan Kritikan, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 12 April 2000.
- Jeniri Amir dan Awang Azman, 2001. *Kaul Suatu Interpretasi Sosiobudaya*. Kota Samarahan:

UNIMAS

- Jensen, Erik, 1974. *The Iban and Their Religion*. Oxford: Clarendon Press.
- Freeman, J.D., 1955. *Iban Agriculture: A Report on the Shifting Cultivation of Hill Rice by the Iban of Sarawak*. London. Her Majesty's Stationery Office.
- Harrison, T (ed.), 1959. *The People of Sarawak*. Kuching: Sarawak Museum.
- King, Victor T., 1978. *Essays on Borneo Societies*. Hull Monographs on South-East Asia:7. University of Hull.
- Mohd. Taib Osman, 1989. *Malay Folk Beliefs: An Integration of Disparate Elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Suhaidi Salleh, 2005. "Ritual, Identiti dan Perubahan". Kertas Kerja Konferensi Antar Universiti Borneo. 29-30 Ogos 2005.
- Morris, H.S., 1953. *Report on a Melanau Sago Producing Community in Sarawak*. Colonial Research Studies No. 9, Colonial Office. London
- Morris, H.S., 1978. "The Coastal Melanau" dlm. Victor T. King (ed.) *Essays on Borneo Societies*. Hull Monographs on South-East Asia:7. University of Hull.
- Morris, H.S., "The Melanau View of their Environment" dlm. *The Sarawak Museum Journal XXIX*:50, hlm. 27-57, 1981.
- Morris, H.S., 1991. *The Oya Melanau*. Malaysian Historical Society. Sarawak Branch.
- Sandin, Benedict, 1967. *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*. London: Macmillan.
- Shariffuddin, P.M., "The Kedayans" dlm. *Brunei Museum Journal* 1:1, hlm. 15-23, 1969.
- Shariffuddin, P.M., "Makan tahun' The Annual Feast of the Kadayan" dlm. *Brunei Museum Journal* 2:1. hlm. 61-66, 1970.
- Pringle, R. 2010. *Rajah and Rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke Rule: 1841-1941*. Second Publication. Kota Samarahan. UNIMAS
- Richards, A.J. 1959. "The Iban People (1)" dlm. Tom Harrison (ed.) *The People of Sarawak*. Kuching: Sarawak Museum, hlm. 9-27.
- Rosline Sandai, 2012. "Mimpi Sebagai Sumber Pengetahuan Peribumi Masyarakat Iban". Kertas Kerja dalam Simposium Bahasa dan Budaya Iban dan Folklor Borneo Kalimantan. Anjuran UPSI dan USM. 6-8 November. Kuching, Sarawak.
- Rousseau, Jerome, 2000. *Central Borneo: Ethnic Identity and Social Life in Stratified Society*. Oxford: Clarendon Press.
- Sandin, Benedict, 1967. *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*. London: Macmillan.
- Sutlive, Vinson H., Jr., 1992. *The Iban of Sarawak: Chronicle of a Vanishing World*. Kuala Lumpur. S. Abdul Majeed & Co. Tanner A.
- Temu bual Anna Durin. 2013. 1 Ogos Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. UNIMAS.Kota Samarahan.
- Temu bual Jayl Langub. 2013. 6 Ogos. Institut Pengajian Asia Timur. UNIMAS. Kota Samarahan.